

BULI?

NUR HAKIMAH MD SALLEHUDDIN & NORLIZA AMIN


AKADEMI PENGAJIAN BAHASA, UiTM KAMPUS SEREMBAN
&
UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR

Definisi

Buli boleh didefinisikan sebagai perbuatan mendera, mempermainkan seseorang yang lebih lemah bagi tujuan seperti menggertak, mencederakan atau menakutkan individu tersebut (Kamus Dewan, edisi keempat). Buli boleh berlaku di mana-mana sahaja seperti di sekolah, institusi pengajian, tempat kerja, tempat awam mahupun di atas jalan raya.

Jenis-jenis buli

Buli boleh berlaku dengan pelbagai cara tanpa kita sedar. Antara jenis-jenis buli adalah seperti dalam gambarajah berikut:



Jenis buli pertama adalah buli fizikal yang melibatkan sentuhan fizikal kepada seseorang seperti memukul menggunakan tangan, kaki atau objek secara terus kepada mangsa. Buli fizikal boleh berlaku samada secara individu, antara pembuli dan juga mangsa sahaja atau dilakukan secara beramai-ramai di dalam kumpulan. Selain itu, menggugut juga merupakan salah satu bentuk buli secara fizikal. Seperti contoh, mangsa dipaksa, disuruh untuk melakukan perkara bukan atas kerelaan mangsa seperti membeli makanan, membasuh baju, dan juga memberi wang secara berkala kepada si pembuli. Perbuatan seperti menyentuh fizikal seseorang terutama di bahagian sulit tanpa kerelaan ataupun disebabkan keengganan untuk melaksanakan arahan boleh diklasifikasi sebagai perbuatan mencabul juga merupakan buli fizikal.

Buli kedua dikategorikan sebagai buli mental. Buli mental amat berkait rapat dengan mental dan emosi seseorang. Perbuatan mengejek, mencerca seseorang samada rupa paras, fizikal merupakan satu bentuk buli mental yang boleh memberi kesan yang mendalam terhadap mangsa. Di samping itu, buli mental juga boleh berlaku apabila seseorang mengeluarkan kata-kata kesat, mencarut, memaki hamun kepada orang lain. Ini adalah kerana, perbuatan tersebut boleh menyebabkan seseorang terguris hati hingga hilang keyakinan diri. Gangguan seksual seperti menunjukkan isyarat atau kata-kata lucah kepada mangsa juga merupakan satu daripada bentuk buli mental yang mampu memberi tekanan kepada mangsa.



Selari dengan peredaran zaman yang berlaku, internet bukan lagi kehendak, malah merupakan satu keperluan yang amat penting pada masa kini yang mampu memberi pelbagai maklumat dan pengetahuan hanya di hujung jari. Platform-platform media sosial yang tumbuh umpama cendawan selepas hujan merupakan salah satu medium utama berlakunya buli siber. Komen-komen negatif, berunsur lucah, serta menjatuhkan maruah seseorang secara terang-terangan dan disaksikan oleh jutaan pengguna media sosial adalah bentuk buli siber yang mampu memberi kesan yang amat mendalam kepada mangsa.

Kategori buli yang terakhir adalah buli jalanan yang kebiasaannya dilakukan tanpa disedari bahawa perbuatan tersebut merupakan salah satu bentuk buli. Pemanduan yang berbahaya dan mengancam keselamatan pengguna jalan raya yang lain, perbuatan memprovok dengan membunyikan hon atau menekan minyak mahupun menunjukkan isyarat yang tidak elok boleh menimbulkan salah faham dan mengakibatkan pergaduhan seterusnya mencetuskan buli jalanan.

Tanda-tanda buli

Antara tanda-tanda buli sedang berlaku adalah pertama, perlakuan dan sikap yang mencurigakan seperti nampak keletihan akibat kurang tidur. Ini kerana Seseorang yang dibuli lazimnya akan mengalami trauma yang akhirnya mengganggu waktu tidur mereka. Selain itu juga, selera makan mereka juga akan berubah menjadi kurang atau berlebihan. Akibatnya mereka kurang fokus, hilang minat belajar dan takut menghadapi hari esok. Kedua, suka menyendiri dan tidak mahu terlibat dalam aktiviti, ini kerana mereka cuba mengelakkan diri daripada perkara yang mengakibatkan mereka dibuli. Ketiga, yang terakhir adalah Emosi tidak terkawal, kemurungan dan nampak sedih. Mangsa buli kebiasaannya tidak mahu bercerita tentang apa yang terjadi, kadang-kadang tidak dapat mengawal perasaan dan sentiasa nampak dalam keadaan murung dan sedih.

Kesimpulannya, orang-orang terdekat seperti keluarga, rakan-rakan dan orang sekeliling perlu cakna dengan perubahan-perubahan yang berlaku kepada mangsa buli. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk membantu mangsa buli agar mereka boleh pulih daripada trauma yang dihadapi agar mereka dapat meneruskan kehidupan dalam keadaan yang lebih baik.